

Rujukan Kami (*Our Ref*) :UMP.02.01/10.12/2/1 (18)  
Tarikh : 14 Jun 2017

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan  
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar  
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 1 TAHUN 2017:  
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan / puan berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Pentadbiran UMP Bil 1 Tahun 2017: Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017** bagi staf di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian untuk makluman, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(HARYANI BINTI ABDULLAH)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar  
b.p: Pendaftar

**PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 2 TAHUN 2017**  
**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017**

**TUJUAN**

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 kepada staf di Universiti Malaysia Pahang (UMP) selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017: Bayaran Khas Kewangan Tahun 2017.

**LATAR BELAKANG**

- 2.0 Ahli Lembaga Pengarah (LPU) melalui kelulusan secara edaran telah meluluskan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 sebanyak RM500.00 dengan **menggunakan sumber dalaman UMP** dan akan dibayar kepada staf di atas keprihatinan serta bagi menghargai khidmat bakti staf di UMP.
- 3.0 Jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM 925,750.00** bagi menampung pembayaran kepada seramai **1859 orang** staf yang telah dikenalpasti layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 di UMP.

**PELAKSANAAN**

- 4.0 Bayaran Khas Kewangan Tahun 2017 ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017.
- 5.0 Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 akan dilaksanakan kepada kumpulan pegawai serta melalui tatacara yang telah ditetapkan di dalam jadual di bawah;

Kumpulan	Keterangan
Pegawai yang layak	(a) pegawai lantikan tetap, sementara, <i>contract of service</i> ; (b) pegawai yang bercuti separuh gaji; (c) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan (d) pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.

Pekerja Sambilan Harian (PSH)	<p>(a) Bantuan Khas Kewangan tahun Kewangan 2017 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017.</p> <p>(b) Bayaran bantuan khas kewangan bagi PSH akan dilakukan dengan menggunakan dana daripada vot Tabung Mengurus.</p>
Pesara	<p>(a) Pesara Kerajaan yang menerima pencen akan dibayar RM250 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).</p> <p>(b) Pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service</i> dan sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 layak dibayar BKK sebanyak RM500. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran (UMP).</p>
Pegawai meninggal dunia	<p>(a) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia sebelum atau pada 1 Jun 2017 layak dibayar BKK kepada penerima pencen terbitan sebanyak RM250.</p>

6.0 Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 oleh UMP akan dikreditkan ke dalam akaun staf pada **15 Jun 2017**.

#### TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

7.0 Bayaran Bantuan Khas Tahun 2017 adalah menjadi **tanggungjawab jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

8.0 Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekelliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(**ABD. HAMID BIN MAJID**)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : Jun 2017

**Edaran kepada:**

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

**Salinan kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)